



# BAB 3



## BAB 3

### LAPORAN ANALISIS KAJIAN

#### 3.1 Pendahuluan

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan secara rawak kepada 35 orang responden di daerah Muar Johor, beberapa penemuan telah diperolehi bagi mengenalpasti perjalanan dan perlaksanaan pengajaran *tawhid* di daerah ini. Proses dan penyediaan laporan ini adalah berdasarkan kepada data-data yang dikumpul melalui soalselidik yang disediakan. Para responden telah diberi penjelasan terlebih dahulu sebelum mereka menjawab soalselidik yang diedarkan. Mereka diberi kebebasan dan masa yang secukupnya untuk menjawab 22 soalselidik tersebut. Perkara ini penting untuk menjamin agar maklumat yang diberikan itu absah dan dapat mengelakkan daripada unsur-unsur bias.

Keseluruhan angkubah soalselidik diproses dan dianalisis dengan menggunakan ujian peratusan (%). Ia disokong oleh rajah dan jadual bagi memperkuatkan kenyataan yang dibicarakan. Di samping itu ia dapat memperteguhkan lagi data yang telah dikemukakan oleh para responden itu tepat dan kenyataan mereka boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya.

Sehubungan dengan impak kajian ini ia dapat dikenalpasti sambutan dan keberkesanan pengajaran *tawhid* yang sedang beroperasi di daerah Muar Johor.

### 3.2: Penemuan Kajian

Antara penemuan kajian yang diperolehi sepanjang pemerosesan data ini ia dapat dibahagikan mengikut empat bahagian iaitu:

#### 3.2.1 ( A ) Latar belakang

#### 3.2.1 ( B ) Kitab rujukan

#### 3.2.1 ( C ) Sambutan terhadap pengajaran *tawhid*

#### 3.2.1 ( D ) Keberkesanan pengajaran *tawhid*

#### 3.2.1 ( A ) Latar belakang


Di bawah tajuk latar belakang ini terdapat sembilan soalan dikemukakan, ia dapat disenaraikan seperti berikut:

##### 1. Jantina

Jumlah responden yang dijadikan sampel kajian ini adalah seramai 35 orang pengajar dan 35 buah masjid yang terlibat dengan program pengajaran *tawhid* di Muar. Mereka terdiri daripada 31 orang lelaki atau 88.6 % dan 4 orang perempuan atau 11.4 % yang terlibat secara langsung dengan perlaksanaan pengajaran *tawhid* di daerah Muar Johor.

Sekiranya digambarkan pecahan pembahagian responden tersebut ia dapat dilihat seperti dalam rajah 1 carta pai berikut :

Rajah 1



Berdasarkan kepada kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa majoriti jantina yang menjadi responden dalam kajian ini terdiri daripada tenaga pengajar lelaki. Ini kerana jumlah mereka lebih ramai iaitu 120 orang berbanding tenaga pengajar perempuan cuma 18 orang sahaja. Tambahan pula guru lelaki boleh mengajar di mana-mana tempat tanpa terikat pada waktu sama ada siang mahupun malam berbanding guru perempuan hanya bertumpu pada waktu siang sahaja. Oleh itu penglibatan guru perempuan untuk menyampaikan pengajaran *tawhid* pada waktu malam adalah amat terhad sekali.

## 2. Umur

Hasil daripada penemuan kajian mendapati tidak terdapat seorang pun tenaga pengajar *tawhid* atau 0 % yang berumur di antara 20 tahun hingga 40 tahun yang terlibat secara langsung dengan pengajaran *tawhid* di daerah Muar. Data kajian mendapati seramai 4 orang atau 11.14% tenaga pengajar *tawhid* di daerah ini berumur di antara 41 tahun hingga 50 tahun, manakala 31 orang lagi atau 88.6 % tenaga pula berusia melebihi 51 tahun yang berkhidmat sebagai tenaga pengajar *tawhid* di daerah ini. Jadual 1 berikutnya menggambarkan kedudukan sebenar jumlah pengajar *tawhid* di daerah yang dimaksudkan.

Jadual 1

Bil.	Umur	Jumlah Pengajar	Peratus
1	Di bawah 20 Tahun	0	0
2	20 Tahun - 30 Tahun	0	0
3	31 Tahun - 40 Tahun	0	0
4	41 Tahun - 50 Tahun	4orang	11.4
5	Melebihi 50 Tahun	31 orang	88.6
6	Jumlah	35 orang	100%

Jumlah Pengajar *Tawhid* Mengikut Umur


Berdasarkan kepada jadual 1 di atas jelas menunjukkan bahawa majoriti tenaga pengajar yang terlibat dengan pengajaran *tawhid* berumur melebihi 40 tahun. Data yang dikemukakan ini memperkuatkan lagi hujah bahawa tenaga pengajar yang berkhidmat menyampaikan *tawhid* itu terdiri daripada mereka yang benar-benar matang dan berwibawa ketika mengajar. Justeru tidak hairan jika dikatakan bahawa mereka mempunyai cara tersendiri untuk menarik para jemaah mengikuti pengajaran yang disampaikan.

### 3. Pendidikan

Hasil daripada kajian mendapati 12 orang tenaga pengajar atau 34.3 % terdiri daripada mereka yang memiliki kelulusan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kelulusan-kelulusan lain sebelumnya. Kajian menunjukkan juga bahawa tiada seorang pun tenaga pengajar atau 0 % yang mempunyai kelulusan dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Data kajian mendapati tiada seorang pun atau 0 % tenaga pengajar *tawhid* di daerah ini yang berkelulusan di bidang diploma. Hasil analisis data menunjukkan bahawa terdapat 4 orang atau 11.4 % tenaga pengajar *tawhid* di Muar mempunyai ijazah, manakala 19 orang lagi atau 54.3 % terdiri daripada tenaga pengajar yang memiliki kelulusan dalam pelbagai bidang .

Majoriti pengajar memiliki pendidikan setakat darjah empat, darjah lima dan darjah enam sekolah kebangsaan. Perkara ini terjadi kerana sistem tertinggi persekolahan ketika itu hanyalah setakat darjah enam sahaja. Dalam rajah 2 berikutnya digambarkan pecahan jenis pendidikan yang dimiliki oleh tenaga pengajar *tawhid* di Muar.

Rajah 2



Taburan Jenis Pendidikan Pengajar *Tawhid*

Berpandukan kepada rajah 2 di atas jelas memperlihatkan bahawa majoriti tenaga pengajar yang mempunyai kelulusan dalam pelbagai bidang tertentu mendahului senarai responden yang terlibat secara langsung dalam pengajaran *tawhid* di daerah ini. Faktor usia dan keserasian telah menjadikan mereka sebatи dengan tanggungjawab pengajaran yang diamanahkan.

#### 4. Aliran Pendidikan


Penemuan kajian mendapati tidak terdapat seorang pun atau 0 % tenaga pengajar *tawhid* yang pernah mengikuti pendidikan dalam bidang sastera. Analisis kajian mendapati 23 orang tenaga pengajar atau 65.7 % adalah terdiri mereka yang pernah mengikuti pendidikan dalam aliran agama. Sementara itu tidak ada seorang pun atau 0 % responden berkelulusan aliran sains yang terlibat secara langsung dengan pengajaran *tawhid* di daerah Muar Johor. Data kajian juga menunjukkan bahawa terdapat 12 orang atau 34.3 % responden mempunyai beraneka aliran pendidikan seperti darjah khas Johor, sekolah pondok, sekolah agama Johor dan seumpamanya. Secara rumusan dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan tenaga pengajar yang terlibat dengan pengajaran *tawhid* mempunyai latar belakang pendidikan dalam aliran agama. Justeru tidak hairan mereka boleh menyampaikan pengajaran *tawhid* secara baik dan berkesan.

#### 5. Pekerjaan

Berpandukan kepada data kajian terdapat tiga jenis pekerjaan ditemui iaitu guru agama, pegawai agama dan pekerjaan-pekerjaan lain. Analisis

kajian mendapati seramai 9 orang atau 25.7% tenaga pengajar *tawhid* yang ada sekarang berkhidmat sebagai guru agama di Negeri Johor. Sementara 3 orang atau 8.6% tenaga pengajar terdiri dari kalangan mereka yang sedang berkhidmat sebagai guru agama di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penemuan kajian juga mendapati tiada data atau 0% responden yang terlibat dengan pengajaran *tawhid* berkhidmat sebagai pegawai agama di sektor swasta. Sementara 23 orang atau 65.7% responden terdiri daripada pelbagai jenis latar belakang pekerjaan seperti pesara guru agama, ketua kampung, suri rumah, peneroka felda dan seumpamanya. Untuk lebih jelas lihat rajah 3, carta pai berikut:

Rajah 3



Pecahan Jenis Pekerjaan Responden

Berdasarkan kepada rajah 3 seperti yang dikemukakan jelas memperlihatkan bahawa majoriti tenaga pengajar *tawhid* di daerah ini terdiri dari kalangan mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan yang beraneka. Namun begitu disebabkan kekuatan mental dan spiritual, segala

cabaran dapat mereka hadapi untuk membolehkan mereka mencipta kejayaan yang membanggakan.

## 6. Tauliah

Kebanyakan responden kajian ini mempunyai surat tauliah mengajar mereka yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Johor setelah mereka berjaya melalui proses temuduga. Surat tauliah ini penting dimiliki bagi mengelakkan sebarang kemungkinan yang tidak diingini timbul apabila diadakan lawatan mengejut daripada pihak berkuasa agama negeri atau daerah. Surat kuasa atau tauliah ini boleh dianggap sebagai lesen bagi membolehkan mereka mengajar agama tanpa sebarang gangguan.

Hasil daripada kajian mendapati 35 orang responden atau 100 % memiliki tauliah mengajar yang sah dan tempoh penggunaannya masih berkuatkuasa. Data kajian juga menemui tidak terdapat seorang pun atau 0 % responden yang tidak memiliki tauliah. Pengajar boleh menggunakan tauliah mengajar mereka untuk tempoh tiga (3) tahun dan setelah tamat tempohnya hendaklah diperbaharui bagi membolehkan pemiliknya menggunakan tauliah tersebut apabila ingin mengajar sebarang aktiviti keagamaan di masjid-masjid. Pemberian tauliah membentarkan mereka menghurai atau mengupas sesuatu persoalan tauhid berdasarkan kepada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah (ASWJ)*.

## 7. Pengalaman Mengajar

Melalui data kajian mendapati seramai 4 orang atau 11.4 % responden yang terlibat dengan pengajaran *tawhid* di daerah Muar telah mempunyai pengalaman mengajar melebihi 50 tahun. Rekod kajian menunjukkan ada di kalangan mereka telah mula berkhidmat semenjak tahun 1941. Analisis kajian mendapati seramai 14 orang atau 40 % lagi tenaga pengajar *tawhid* di daerah ini mempunyai pengalaman mengajar selama 40 tahun. Data kajian juga menunjukkan bahawa terdapat 10 orang atau 28.6 % tenaga pengajar *tawhid* berpengalaman mengajar melebihi 20 tahun, manakala 7 orang lagi atau 20 % di kalangan mereka mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun. Jadual 2 berikutnya menunjukkan kedudukan pengalaman mengajar para responden.

**Jadual 2**

Bil	Lama Mengajar	Jumlah	Peratus
1	Mulai Tahun 1945-1955	4 orang	11.4
2	Mulai Tahun 1956-1970	14 orang	40
3	Mulai Tahun 1971-1985	10 orang	28.6
4	Mulai Tahun 1986-1998	7 orang	20
	Jumlah	35 orang	100%

Kedudukan Pengalaman Pengajar

Berdasarkan kepada keterangan dalam jadual 2 di atas dapatlah dirumuskan bahawa pengalaman mengajar yang begitu lama menjadikan setiap tenaga pengajar itu mempunyai kepakaran yang agak mendalam dalam bidang pengajaran *tawhid*. Kewibawaan mereka yang begitu luas dalam bidang pengajaran *tawhid* telah menjadi pemangkin ke arah kesinambungan sebarang aktiviti keagamaan daripada dahulu sehingga sekarang.


#### 8. Kursus

Kaedah penyampaian yang menarik, menghibur dan berkesan telah menjadi aset paling penting bagi menarik kehadiran para jemaah setiap kali pengajaran *tawhid* dilaksanakan. Dalam konteks kajian ini setiap tenaga pengajar *tawhid* di Muar perlu diberi pelbagai pendedahan agar jemaah yang datang itu merasa tidak jemu dan bosan. Sekiranya ciri-ciri sebegini diberi perhatian sudah tentu kehadiran para jemaah tidak merosot tetapi sebaliknya akan terus meningkat dan bertambah pada setiap kali ia diadakan.

Berdasarkan kepada analisis kajian terdapat seramai 27 orang atau 77.1 % tenaga pengajar di daerah ini telah pernah mengikuti kursus khas

kaedah penyampaian *tawhid*. Menurut Hj. Ngadiman Sariyan, Pegawai Kaunseling Pejabat Agama Daerah Muar,<sup>1</sup> beliau merupakan salah seorang peserta kursus khas kaedah penyampaian *tawhid* pada tahun 1992 anjuran JAIJ dan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), manakala 8 orang lagi responden atau 22.9 % masih belum pernah mengikuti kursus kaedah penyampaian *tawhid*. Walau bagaimanapun mereka tetap menyumbangkan khidmat kerana pengalaman mengajar di sekolah telah membiasakan diri mereka berhadapan dengan masyarakat Islam setempat. Rajah carta pai 4 berikutnya menggambarkan pecahan responden yang telah atau belum mengikuti kursus yang dimaksudkan.

Rajah 4



Pecahan Responden Yang Berkursus

<sup>1</sup> Wawancara Penulis dengan beliau di Pejabat Kadi Muar, pada 14.9.1998.

Berpandukan kepada kenyataan dalam rajah 4 tersebut dapatlah dikatakan bahawa pengalaman mengajar yang begitu lama ditokok tambah dengan pendedahan kursus pengajaran *tawhid* yang pernah mereka perolehi telah menjadikan aktiviti pengajaran agama sentiasa hidup subur di daerah Muar.


#### 9. Bidang Pengkhususan Pengajaran

Dalam soalan ini para responden diberi kelonggaran untuk menjawab melebihi daripada satu angkubah jawapan. Laporan analisis kajian mendapati kebanyakan responden mengajar lebih daripada satu bidang pengkhususan. Boleh dikatakan kesemua 35 orang responden atau 100 % terlibat dalam pengajaran *tawhid*. Sementara 33 orang responden pula atau 94.3 % terlibat dalam menyampaikan dua bidang pelajaran iaitu pengajaran *tawhid* dan *fiqh*, manakala 14 orang responden lagi atau 40 % terlibat dalam menyampaikan tiga bidang iaitu pengajaran *tawhid*, *fiqh* dan *tafsir*.

Data kajian juga menunjukkan bahawa seramai 16 orang responden atau 45.7 % terlibat dalam menyampaikan empat bidang iaitu pengajaran *tawhid*,

*fiqh, tafsir* dan *hadith*. Rekod kajian menunjukkan seramai 24 orang atau 68.6% pengajar *tawhid* di Muar mengajar dalam lima bidang iaitu pelajaran *tawhid, fiqh, tafsir, hadith* dan *taṣawwuf*, manakala seorang sahaja atau 2.9 % responden yang terbabit menyampaikan pengajaran melebihi lima bidang pengkhususan. Rajah carta bar 5 berikut menggambarkan kedudukan sebenar bidang pengkhususan yang disampaikan oleh tenaga pengajar.

Rajah 5



Kedudukan Bidang Pengajaran Responden

Berlandaskan kepada keterangan rajah 5 ini jelas menunjukkan bahawa majoriti responden mengajar melebihi daripada empat mata pelajaran selain pengajaran *tawhid* yang dianggap sebagai bidang asasi mereka. Kepakaran mereka menyampaikan pengajaran dalam pelbagai bidang amat terserlah kerana kebanyakan responden telah mendapat pendedahan yang secukupnya.

### 3.2.1 ( B ) Kitab Rujukan

Di bawah tajuk kitab rujukan ini terdapat empat soalan dikemukakan dari nombor 10 hingga soalan ke 13, ia dapat disenaraikan seperti berikut:

#### 10. Nama Kitab Yang Digunakan

Penemuan dan analisis kajian mendapati seramai 31 orang responden atau 88.6 % tenaga pengajar *tawhid* di daerah ini menggunakan kitab *Risalah al-Tawhid* oleh Abd Ghani Yahya dan Umar Yusuf. Rekod kajian juga menunjukkan bahawa terdapat 11 orang atau 31.4 % pengajar menggunakan kitab *al-Durr al-Thamīn* oleh Daud Abdullah dan *Aqidah al-Najīn* oleh Zainal Abidin Muhammad sebagai kitab rujukan semasa menyampaikan pengajaran *tawhid* mereka. Data kajian mendapati seramai 3 orang pengajar atau 8.6 % menggunakan kitab *Matla' al-Badrain* oleh Muhammad Ismail Daud sebagai bahan rujukan mereka, manakala 20

orang atau 57.1 % pengajar menggunakan kitab *Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaāh* oleh Hj Said Ibrahim. Sementara 13 orang responden atau 37.1 % menggunakan pelbagai jenis kitab rujukan seperti *Matan Jawharat al-Tawhīd* oleh Ibrahim al-Laqani, *Hidayat al-Mutafakkirin* oleh Husain Nasir Taib dan al-Mas'udi al-Banjari, *Hakīkat Imān* oleh Abdul Mun'im Abd Hamid, *Siyar al-Salikin* oleh Abd Samad al-Palembangi, *Mastika Ḥadīth* oleh Abdullah Basmeih dan kitab-kitab lain yang diperakui tidak menyeleweng daripada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaāh*.<sup>1</sup> Malahan menurut Hj Yusri Ihsan, Kadi Daerah Muar segala bahan rujukan agama yang tidak diharamkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) boleh digunakan asalkan ianya berpandukan kepada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaāh (ASWJ)*.

#### 11. Bahasa Pengantar Kitab Rujukan

Penemuan kajian mendapati hanya seorang sahaja responden atau 2.9% yang telah menggunakan kitab berbahasa Arab sebagai bahan rujukan ketika menyampaikan pengajarannya. Sementara 34 orang responden lagi atau

---

<sup>1</sup> Wawancara Penulis dengan beliau , Di pejabatnya pada 15.9.98. lihat juga Kurikulum Kelas Pengajian Ta‘mir Masjid Dan Surau , h.v.

97.1 % menggunakan kitab rujukan berbahasa Melayu ( Jawi ). Gambaran ini jelas sekiranya dilihat kembali kepada kenyataan soalan ke 10 yang berkaitan dengan senarai kitab rujukan yang digunakan oleh mereka semasa menyampaikan kuliah *tawhid* di masjid-masjid. Sebagai contoh kebanyakan kitab *Risalah al-Tawhid*, *al-Durr al-Thamīn*, *Aqīdah al-Najīn*, *Matla' al-Badrain* dan *Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaāh* kesemuanya menggunakan bahasa pengantar yang telah dialih bahasakan ke bahasa Melayu, manakala kitab *Aqīdah al-Mu'min* oleh Abu Bakr al-Jazaā'ī<sup>c</sup> dan Mustafa Daud menggunakan dua bahasa pengantar iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu secara meluas dalam kesemua bahan rujukan mengajar memberikan sedikit kelebihan kepada mereka untuk memahami isi kandungan secara terperinci. Hal ini bersesuaian kerana sampel kajian mendapati hanya 4 orang sahaja atau 11.4 % yang berkelulusan di peringkat ijazah. Justeru dengan menggunakan kitab rujukan berbahasa Melayu membolehkan mereka menyampaikan pengajaran *tawhid* kepada jemaah secara baik dan berkesan.

## 12. Perakuan Kitab Rujukan

Sepanjang kajian dibuat menunjukkan bahawa Jabatan Agama Islam Johor tidak menyenaraikan nama-nama kitab yang khusus dalam pengajaran *tawhid*. Namun begitu ini tidak bermakna semua kitab boleh digunakan sewenang-wenangnya dalam pengajaran *tawhid* tanpa pengawasan daripada Jabatan Agama Negeri. Apa yang nyata Jabatan Agama Islam Johor tetap memperakui penggunaan kitab rujukan untuk tujuan pengajaran selagi kandungannya tidak menyeleweng daripada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Perkara ini bersesuaian dengan syarat yang terkandung dalam surat tauliah mengajar mereka.

Analisis kajian menunjukkan bahawa 35 orang responden atau 100 % mengakui bahawa kesemua kitab yang mereka gunakan diperakui oleh jabatan agama malah tidak terdapat rekod yang mengatakan bahawa kitab-kitab yang mereka gunakan itu tidak diakui oleh pihak berkuasa agama negeri. Sekiranya kondisi ini terjadi mereka yang terlibat akan dikenakan tindakan undang-undang ataupun dilucutkan perlantikannya daripada mengajar.

Berdasarkan kepada kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa kitab rujukan yang digunakan semasa mengajar di masjid-masjid di daerah ini diperakui oleh pihak berkuasa agama negeri.

### 13. Penyelarasan Kitab Rujukan

Penemuan dan analisis kajian mendapati kesemua 35 orang responden atau 100 % mengatakan bahawa kitab-kitab rujukan yang mereka gunakan semasa menyampaikan pengajaran *tawhid* di daerah ini diselaraskan penggunaannya di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia , (JAKIM).

Senarai nama kitab yang diselaraskan penggunaannya di bawah JAKIM dapat dilihat pada lampiran 6.

Berdasarkan data dan rekod kajian yang dikemukakan dapatlah dirumuskan bahawa kitab rujukan *tawhid* yang digunakan oleh pengajar dengan menggunakan versi berbahasa Melayu itu diperakui oleh Jabatan Agama Islam Johor dan juga diselaraskan penggunaannya di bawah JAKIM. Dalam persoalan ini tidak timbul kitab-kitab yang dilarang penggunaannya

oleh kedua-dua badan agama tersebut kerana ia telah diselaras dan diseragamkan terlebih dahulu.

### 3.2.1 ( C ) : Sambutan Terhadap Pengajaran *Tawhid*

Di bawah tajuk sambutan terhadap pengajaran *tawhid* ini terdapat tujuh soalan dikemukakan yang bermula dari nombor 14 hingga soalan yang ke-20, ia dapat disenaraikan seperti berikut:

#### 14. Jadual Mengajar

Penyediaan jadual yang berkala dan bersistem telah berjaya memberi impak yang positif kepada kehadiran para jemaah. Kaedah seumpama ini memberi banyak kemudahan kepada orang ramai untuk mengetahui secara terperinci tentang subjek, masa, hari, tarikh dan pengajar yang terlibat. Jadual pengajaran ini kebiasaannya ditulis di papan putih ataupun dilekatkan pada papan kenyataan masjid berkenaan ( lihat photo lampiran 7). Kadangkala pengumuman juga dibuat mengenai aktiviti agama mingguan sebelum khatib membaca khutbah.

Berdasarkan kepada data kajian didapati 30 buah masjid atau 85.7 % ahli jawatankuasanya menyediakan jadual mengajar bagi pengajaran *tawhid* dan

aktiviti-aktiviti keagamaan lain yang diadakan di kariah mereka. Penemuan kajian mendapati cuma 5 buah masjid sahaja atau 14.3 % yang tidak menyediakan jadual mengajar bagi guru-guru yang terlibat. Ini tidak bermakna kuliah *tawhid* tidak boleh dilaksanakan sebaliknya ahli jawatankuasa masjid membuat pengumuman di mimbar jumaat sebagai alternatif pendekatan yang paling berkesan untuk menjana kehadiran jemaah.

#### 15. Sambutan Terhadap Pengajaran *Tawhid*

Berdasarkan kepada data dan maklum balas daripada tenaga pengajar *tawhid* di Muar tidak terdapat sebarang rekod atau 0 % sambutan yang diterima antara 10 orang hingga 20 orang daripada jemaah apabila pengajaran ini diadakan. Apa yang ditemui melalui analisis dan wawancara yang dijalankan mengatakan sambutan orang ramai terhadap pengajaran ini sekurang-kurangnya melebihi 25 orang. Data menunjukkan seramai 8 orang responden atau 22.9 % bersetuju merumuskan hasil daripada penelitian mereka ketika mengajar kehadiran para jemaah melebihi 30 orang. Menurut Hj Sulaiman Shariff guru Ma'ahad Muar Johor, kelas-kelas

pengajaran di bawah kelolaannya kadangkala melebihi 60 orang.<sup>1</sup> Kenyataan beliau ini turut dikongsi oleh Hj Abd Salam Damio guru agama Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Muar Johor yang menganggarkan kehadiran jemaah ketika pengajaran *tawhid* kadang-kadang melebihi 50 orang terutama di Masjid Sultan Ibrahim dan Masjid al-Hikmah Parit Kadi Muar.<sup>2</sup>

Analisis kajian juga mendapati seramai 27 orang responden atau 77.1 % mengatakan bahawa purata kehadiran para jemaah melebihi 30 orang setiap kali pengajaran *tawhid* diadakan dan ini dianggap amat menggalakkan. Faktor yang menjadi pendorong dan pemangkin kepada sambutan ini ialah inisiatif ahli jawatankuasa masjid menyediakan jadual serta membuat pengumuman setiap hari jumaat sebelum khatib membaca khutbah. Implikasi daripada usaha berterusan ini telah berjaya menarik penduduk sekitar kariah untuk sama-sama mendengar dan menghayati pengajaran *tawhid* yang disampaikan oleh tenaga pengajar yang dilantik oleh pihak berkuasa agama negeri.

---

<sup>1</sup> Wawancara Penulis dengan beliau di rumahnya di Parit Jawa Muar, pada 19.9.1998.


<sup>2</sup> Wawancara Penulis dengan beliau di rumahnya di Parit Kadi Muar, pada 3.10.1998.

## 16. Topik Yang Sering Disampaikan

Setiap tenaga pengajar *tawhid* mempunyai citarasa tersendiri untuk menyampaikan sesuatu tajuk yang menjadi kegemaran mereka. Analisis kajian mendapati 22 orang responden atau 62.9 % guru *tawhid* amat gemar menyampaikan tajuk mengenai sifat dua puluh kepada orang ramai. Mereka beranggapan perbincangan dalam sifat dua puluh itu menjadi asas terpenting untuk mengetahui sifat-sifat Allah.

Data menunjukkan juga cuma 6 orang atau 17.1 % tenaga pengajar amat gemar menyampaikan tajuk mengenai hari *Qiamat*. Penemuan kajian mendapati 4 orang atau 11.4 % tenaga pengajar *tawhid* di daerah ini gemar menyampaikan tajuk yang berkaitan dengan *Qada'* dan *Qadar*, manakala 3 orang lagi atau 8.6 % guru-guru *tawhid* suka menyampaikan tajuk mengenai alam kubur. Kegemaran mereka menyampaikan sesuatu tajuk tersebut berkemungkinan mengikut kepakaran masing-masing dan juga atas permintaan jemaah di masjid berkenaan. Rajah carta bar 6 berikut menjelaskan tentang topik yang menjadi kegemaran tenaga pengajar ketika menyampaikan pengajaran *tawhid*.

Rajah 6



Berdasarkan keterangan rajah 6 tersebut jelas menunjukkan bahawa majoriti pengajar *tawhid* amat gemar menyampaikan tajuk sifat dua puluh dalam kuliah *tawhid* mereka berbanding dengan tajuk-tajuk yang telah disenaraikan.

#### 17. Topik Yang Paling Disukai Pendengar

Kegemaran jemaah terhadap sesuatu tajuk yang disampaikan oleh pengajar dapat dikesan apabila terdapat permintaan daripada mereka untuk

mengulangi tajuk perbincangan minggu lepas sebelum pengajar memulakan tajuk baru. Selain daripada cara ini maklum balas juga diterima melalui banyaknya pertanyaan yang inginkan penjelasan lanjut mengenai sesuatu tajuk yang dibicarakan. Ini bermakna pendengar amat meminati tajuk tersebut malahan kadangkala mereka minta diulangi berkali-kali sehingga masing-masing berpuashati.

Berdasarkan kepada analisis didapati seramai 18 orang atau 51.4 % pendengar amat berminat untuk mengetahui topik yang membicarakan sifat dua puluh. Data kajian mendapati 8 orang atau 22.9 % pendengar amat gemar untuk mempelajari hal-hal yang berkaitan dengan hari kebangkitan ( akhirat ), malahan penyampaian sesuatu topik *tawhid* berdasarkan kepada sukanan yang telah diselaraskan oleh JAKIM. Di samping itu terdapat 7 orang atau 20 % pendengar amat menyukai untuk mengetahui tajuk yang berkaitan dengan alam kubur. Cuma 2 orang atau 5.7 % pendengar berminat kepada tajuk yang berkaitan dengan Qada' dan Qadar. Dalam kes-kes tertentu kadangkala pendengar menjadi penentu kepada topik yang dibicarakan tetapi kebiasaannya ditentukan oleh pengajar. Meneliti

kenyataan ini jelaslah menunjukkan bahawa citarasa pendengar dan pengajar hampir sama dalam menyampai dan menerima terhadap sesuatu topik yang menjadi kegemaran masing-masing

#### 18. Bentuk Huraian *Tawhid*

Bentuk kupasan, olahan dan huraian sesuatu isu dalam persoalan *tawhid* memerlukan ketelitian yang jitu. Andaikata ia diolah atau dijelaskan berpandukan teks rujukan semata-mata tanpa mengaitkan dengan fenomena semasa, sudah tentu ia kurang mendapat sambutan daripada para jemaah di pelbagai peringkat usia. Setiap pengajar dikehendaki peka dengan perubahan selera pengunjung yang beraneka rasa, mereka tidak lagi mahu seseorang guru itu menghuraikan sesuatu isu *tawhid* hanya terikat kepada teks sahaja. Apa yang nyata mereka mahu guru menggabung jalinkan pendapat kaum tua dengan pendapat kaum muda. Dengan perkataan lain, huraian semasa dan terkini dikehendaki tetapi ia masih berpandukan teks rujukan asal.

Penemuan dan analisis kajian mendapati 35 orang responden atau 100 % menggunakan pendekatan sepadu iaitu huraian semasa. Mereka hanya

menggunakan teks sebagai panduan asas perbincangan manakala kupasan mengikut perkembangan semasa agar kuliah tersebut tidak kaku dan membosankan. Dengan cara ini tenaga pengajar dapat mengikat hati dan jiwa pendengar untuk terus memberi sokongan moral ke arah perlaksanaan pengajaran *tawhid*. Data kajian mendapati tiada seorang pun tenaga pengajar atau 0 % yang benar-benar terikat kepada teks semata-mata tanpa membuat pengubahsuaian yang sepatutnya.

Berdasarkan kepada keterangan ini jelas menunjukkan bahawa kesemua tenaga pengajar bersetuju menggunakan kaedah huraian semasa menyampaikan pengajaran *tawhid*. Dengan huraian seumpama ini ia dapat menjana kehadiran dan sambutan para jemaah. Di samping itu ia dapat memberi peluang kepada orang ramai untuk memahami sesuatu persoalan yang dibincangkan itu sejelas-jelasnya.

#### 19. Waktu Pengajaran

Data kajian menunjukkan terdapat empat waktu pengajaran *tawhid* yang dilaksanakan di daerah Muar iaitu selepas salat subuh, zohor, asar dan maghrib. Penemuan kajian mendapati tidak ada seorangpun guru atau 0 % yang mengajar selepas salat subuh. Hal ini terjadi berkemungkinan sambutan daripada orang ramai kurang memuaskan. Data menunjukkan 8 orang atau 22.9 % tenaga pengajar menyampaikan pengajaran *tawhid*

mereka selepas salat zohor. Kebiasaan pada waktu ini kuliah *tawhid* khusus untuk kaum ibu yang dikendalikan sendiri oleh guru wanita dan segelintir guru lelaki. Kuliah *tawhid* untuk kaum wanita pada waktu malam amat jarang dilaksanakan kerana sukar bagi mereka menyertainya. Begitu juga selepas asar kuliah seumpama ini tidak ada yang mengendalikannya atau 0 %, kerana waktu ini tidak begitu popular, sekiranya dibuat sambutannya kurang memuaskan.

Berdasarkan kepada rekod dan analisis kajian 27 orang responden atau 77.1 % terlibat dengan pengajaran *tawhid* yang diadakan selepas salat maghrib. Pada waktu ini amat sesuai untuk para jemaah datang dan sambutannya amat menggalakkan berbanding waktu selepas subuh, zohor dan asar. Tambahan pula kekerapan pengajaran untuk semua aktiviti keagamaan yang dibayar elaaunnya oleh JAKIM hanyalah 4 kali (lihat lampiran 8). Fakta ini telah mengukuhkan kenyataan bahawa masa yang sesuai telah berjaya menarik ramai jemaah untuk mengimarahkan aktiviti keagamaan di daerah ini.

## 20. Kaedah Penyampaian

Keberkesanan penyampaian *tawhid* berkait rapat dengan kaedah dan pendekatan positif yang digunakan oleh seseorang tenaga pengajar. Justeru faktor komunikasi yang baik merupakan salah satu ciri ke arah mendokong keberkesanan tersebut. Oleh kerana para jemaah yang datang mengikuti pengajaran ini terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan sudah semestinyaalah perlaksanaan komunikasi dua hala di antara jemaah dengan pengajar perlu diberi perhatian. Penemuan kajian mendapati cuma satu (1) orang pengajar atau 2.9 % yang mempraktikkan kaedah komunikasi sehala iaitu beliau tidak memberi peluang kepada jemaah untuk mengemukakan pertanyaan ketika ia menyampaikan kuliahnya. Perlaksanaan komunikasi sehala menyukarkan pendengar memahami topik yang dihuraikan sekiranya timbul sesuatu masalah yang kurang jelas.

Analisis kajian mendapati 34 orang guru atau 97.1 % sentiasa memberi peluang kepada jemaah untuk mengemukakan pertanyaan terhadap mana-mana persoalan yang kurang jelas. Interaksi komunikasi dua hala ini penting bagi membolehkan setiap jemaah mendapat penjelasan semaksimum apabila sesi soal jawab dibuka. Lumrahnya para jemaah diberi masa sekitar 10 hingga 15 minit sebelum pengajaran *tawhid* ditamatkan. Pendekatan secara

ini boleh menghindarkan perasaan tidak puas hati di kalangan pengunjung. Di samping itu ia boleh dianggap sebagai daya penarik dan pengekal bilangan jemaah kerana layanan yang berkesan sentiasa diberi perhatian oleh pengajar.

Berdasarkan kepada keterangan tersebut dapatlah dirumuskan bahawa majoriti tenaga pengajar *tawhid* di daerah ini sentiasa menggunakan pendekatan komunikasi dua hala ketika menyampaikan pengajaran *tawhid*. Malahan kaedah seumpama ini dikenalpasti berupaya menjadi daya penarik yang berkesan untuk jemaah menyokong perjalanan sebarang aktiviti pengimaranan masjid di Muar.

### 3.2.1 ( D ) : Keberkesanan Pengajaran *Tawhid*

Di bawah tajuk keberkesanan pengajaran *tawhid* ini terdapat dua soalan dikemukakan yang bermula daripada nombor 21 hingga 22. Ia dapat disenaraikan seperti berikut:

#### 21: Cara Terbaik Menarik Jemaah

Penglibatan dan pengalaman yang lama berkecimpung dalam kancang pengajaran telah membolehkan tenaga pengajar mengesan teknik terbaik untuk merangsang dan menarik jemaah hadir ke kuliah *tawhid*.

Bersandarkan kepada data dan analisis kajian didapati 17 orang responden atau 48.6 % bersetuju merumuskan bahawa ahli jawatankuasa masjid mesti menjadi model terbaik untuk diikuti oleh anak kariah dan para jemaah. Fenomena ini meminta ahli jawatankuasa masjid yang dilantik sama-sama duduk dan mendengar pengajaran *tawhid* setiap kali ia diadakan . Sekiranya mereka gagal menunjukkan teladan yang positif sudah pasti kepercayaan orang ramai akan turut lenyap dan pudar.

Data kajian menunjukkan terdapat 10 orang responden atau 28.5% bersetuju mengesyorkan agar pengajar menggunakan alat bantuan mengajar ketika menyampaikan kuliah masing-masing. Gesaan dan cadangan ini amat sesuai dengan zaman teknologi maklumat. Setiap guru mestilah mampu menonjolkan kelainan tersendiri ketika menyampaikan *tawhid*, kerana teknik ini dianggap paling berkesan untuk menarik kehadiran jemaah. Cuma 7 orang atau 20 % bersetuju agar guru yang terlibat menyediakan nota ringkas untuk pendengar. Mereka beranggapan bahawa nota tersebut boleh dijadikan sebagai bukti kehadiran para jemaah. Sekiranya mereka tidak datang seolah-olah suatu kerugian kerana tidak

dapat memiliki nota berkenaan. Data kajian mendapati seorang sahaja atau 2.9 % bersetuju agar ahli jawatankuasa masjid menjemput penceramah terkenal untuk tujuan menarik jemaah. Mereka beranggapan cara sedemikian dapat menyuntik semangat jemaah dan memberi motivasi kepada mereka untuk terus mengikuti pengajaran *tawhid*.

Berdasarkan kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa ahli jawatankuasa masjid perlu menunjukkan teladan yang baik untuk menarik lebih ramai jemaah datang ke masjid berbanding cara-cara lain yang telah dijelaskan.

## 22. Cara Terbaik Meningkatkan Keberkesanan

Isu keberkesanan terus menjadi agenda utama pengajaran *tawhid* di daerah Muar. Setiap guru akan mencari formula yang paling unggul untuk dijadikan asas ke arah meningkatkan prestasi pengajaran masing-masing. Pelbagai pendekatan dicuba dan dilaksanakan bagi tujuan memperbaiki dan mempertingkatkan lagi keberkesanan pengajaran yang sedia ada agar ia menjadi satu program yang benar-benar diminati sepenuhnya.

Penemuan kajian mendapati seramai 22 orang guru atau 62.9 % bersetuju agar mereka yang terlibat dengan pengajaran *tawhid* mewujudkan

komunikasi dua hala di antara pendengar dengan pengajar. Asas perbincangan seumpama ini perlu dipraktikkan bagi meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap sesuatu tajuk yang disampaikan. Andaikata kaedah komunikasi dua hala ini diberi perhatian serius oleh tenaga pengajar sudah tentu para jemaah tidak akan terbawa-bawa masalah dan budaya tidak puashati untuk minggu berikutnya. Justeru setiap pengajar perlu peka dan sentiasa membuka ruang soal jawab setiap kali pengajaran ini diadakan.

Data dan analisis kajian menemui seramai 34 orang atau 97.1 % responden bersetuju agar mereka menerapkan kaedah komunikasi dua hala dalam pengajaran yang disampaikan dan kondisi ini akan lebih berkesan sekiranya ia dapat dilaksanakan secara menyeluruh iaitu 100 %. Rekod kajian menunjukkan seramai 6 orang atau 17.1 % pengajar meminta agar rakan-rakan mereka dapat menyediakan nota ringkas untuk agihan jemaah. Perkara ini penting untuk memberi kemudahan dan panduan kepada para jemaah membuat semakan ketika diadakan sesi perbincangan. Sementara 5 orang atau 14.3 % lagi tenaga pengajar berpendapat setiap guru mesti mampu menggunakan alat bantuan mengajar secara berkesan ke arah meningkatkan keberkesanannya yang sedia ada. Penggunaan alat bantuan mengajar (ABM) seumpama ini penting untuk mengukuhkan lagi hujah yang dibincangkan di samping ia dapat memberi kefahaman yang jitu dan berkesan kepada jemaah.

Data kajian mendapati 2 orang atau 5.7 % tenaga pengajar mahukan supaya mereka diberi pendedahan mengikut kaedah penyampaian berkesan yang dikendalikan oleh mana-mana institusi. Mereka berpendapat selepas mengikuti kursus ini mereka boleh menerapkan ilmu tersebut ke dalam pengajaran yang dilaksanakan secara berkesan kepada jemaah.

Berdasarkan kupasan ini dapatlah dirumuskan bahawa faktor komunikasi dua hala dikenalpasti menjadi angkubah yang paling utama ke arah meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran *tawhid* di negeri ini. Oleh itu terpulanglah kepada ahli jawatankuasa masjid untuk melaksanakan bagi memperbaiki perkhidmatan dan prestasi yang sedia ada agar ia menjadi suatu program yang benar-benar unggul dan berprestij.

### 3.3 : Kesimpulan

Setelah diolah dan dianalisis kesemua 22 soalselidik yang mengandungi empat bahagian seperti yang dilaporkan dapatlah dirumuskan bahawa perlaksanaan pengajaran *tawhid* di Muar berjalan dengan baik dan ia sering mendapat sambutan yang amat memberangsang dan membanggakan daripada orang ramai. Kecemerlangan pengajaran ini banyak didokong oleh kewibawaan yang dimiliki oleh tenaga pengajar serta ahli jawatankuasa

masjid yang terlibat dalam menjayakan program pengimaranan ini. Oleh itu bagi memahat kejayaan beberapa alternatif ,formula dan pendekatan telah dicari oleh pengajar dalam usaha menyuntik minat dan menjana kehadiran para jemaah. Di samping itu melalui kaedah seumpama ini diharapkan program pengimaranan masjid yang sedang berjalan akan terus berkembang dari satu generasi kepada generasi berikutnya dengan mengukir kejayaan demi kejayaan yang membanggakan.